

01 JUL 2000

Isa-MT

TIDAK MENJADI ANGGOTA MT BUKAN PENGHALANG LAKSANAKAN TUGAS, KATA ISA

REMBAU, 1 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata tiada masalah baginya untuk melaksanakan tugas parti walaupun beliau tidak dilantik semula sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Beliau berkata perkara tidak menjadi anggota MT bukan merupakan penghalang atau masalah untuk beliau melaksanakan tanggungjawab.

"Dahulupun semasa mula-mula menjadi Menteri Besar, saya bukan anggota MT... malahan saya juga bukan pengerusi Perhubungan Umno negeri," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan Perkumpulan Wanita di Kampung Astana Raja, dekat sini hari ini.

Semasa menjadi Menteri Besar pada 1982, Mohamed Isa ialah timbalan pengerusi Perhubungan Umno negeri dan hanya dilantik sebagai pengerusi Perhubungan Umno negeri pada 1984. Beliau dipilih anggota MT parti pada 1984.

Mohamed Isa berkata beliau menerima keputusan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak melantiknya semula sebagai anggota MT kerana ia merupakan hak presiden parti.

"Yang penting sekarang ialah untuk terus saling bekerjasama di kalangan semua anggota parti untuk menguatkan lagi Umno," katanya.

Ketika ditanya bahawa Umno Negeri Sembilan hanya mempunyai seorang wakil dalam MT iaitu Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus yang juga timbalan pengerusi perhubungan Umno negeri, Mohamed Isa berkata "yang penting ialah untuk terus kuatkan Umno."

Semasa ditanya sama ada beliau ada mengambil kira kedudukannya dalam MT semasa bertanding jawatan naib presiden parti pada pemilihan parti Mei lepas, katanya, beliau sekadar menawarkan diri bertanding jawatan naib presiden pada pemilihan itu dan tiada memikirkan perkara lain.

Selain Mohamed Isa, seorang lagi Menteri Besar yang tidak dilantik semula sebagai anggota MT ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar.

-- BERNAMA

AZ FAZ